

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
(PARIT SULONG)**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penilaian pihak Kementerian terhadap peningkatan jumlah motosikal di jalan raya susulan cadangan pelaksanaan perkhidmatan e-hailing motosikal atau Gojek di negara ini dan apakah bentuk kajian yang telah dibuat bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 November 2019 telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang akan menyediakan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan menggunakan motosikal (*bike-hailing*) dikawal selia melalui kaedah/peraturan pelesenan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [*Akta 334*] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*].

2. Perkhidmatan *bike-hailing* ini akan dikenakan syarat-syarat yang setara seperti mana telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing* (iaitu merangkumi syarat-syarat ke atas syarikat perniagaan pengantaraan, pemandu, pengoperasian perkhidmatan dan kenderaan).

3. Bagi mengawal selia perkhidmatan ini, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan *bike-hailing* (iaitu satu aktiviti yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal).

4. Memandangkan proses pindaan undang-undang akan mengambil masa kerana termasuk memerlukan pembentangan dan kelulusan di Parlimen, Kerajaan telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang berminat menyediakan perkhidmatan *bike-hailing* ini dibenarkan melaksanakan proses rintis atau Proof of Concept (POC).

5. Di sepanjang tempoh POC ini, pihak syarikat perniagaan pengantaraan boleh membuat persiapan dan pengujian pelaksanaan perkhidmatan *bike-hailing*. POC ini juga akan turut membolehkan pihak Kerajaan dan syarikat perniagaan pengantaraan untuk mengumpul data, menilai tahap permintaan, menilai tahap penerimaan dan lain-lain keperluan operasi berhubung perkhidmatan *bike-hailing* ini.

6. POC ini akan bermula mulai Januari 2020. Tempoh POC pula akan ditetapkan selama enam bulan. Oleh yang demikian, Kementerian tiada data mengenai jumlah motosikal di jalan raya susulan daripada keputusan ini. Data akan diperolehi sebaik sahaja POC dijalankan.

7. Kajian mengenai keselamatan jalan raya dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian dan Agensi-agensi yang berkaitan. Namun, kajian utama mengenai kesan perkhidmatan *bike-hailing* selepas Kerajaan meluluskan perkhidmatan ini belum dijalankan memandangkan POC akan bermula mulai Jan 2020. Walau bagaimanapun, Kerajaan membenarkan pengendali dan syarikat perniagaan pengantaraan membuat pengujian pelaksanaan perkhidmatan *bike-hailing* melalui kaedah POC dengan syarat-syarat tertentu bagi tujuan pengumpulan data dan mengukur tahap penerimaan dan keselamatan terhadap perkhidmatan *bike-hailing* ini. Maklumat-maklumat ini akan digunakan semasa memperincikan peraturan-peraturan (pindaan undang-undang) yang akan dibangunkan dan dilaksanakan selepas tempoh POC tamat.

Sekian, terima kasih.